

BAB 6

PENGUKUHAN NEGARA DAN BANGSA MALAYSIA

CADANGAN

1. Lord Brassey cadang penggabungan Sabah dan Sarawak dengan Negeri-negeri Melayu dan Negeri-negeri Selat.
2. Malcolm MacDonald Cadang Sabah, Sarawak, Brunei, Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu digabungkan.
3. Dato' Onn Bin Jaafar mencadangkan Persekutuan Tanah Melayu yang Merdeka dinamakan Malaysia.
4. Lim Yew Hock dan David Marshall Mencadangkan penubuhan Malaysia pada tahun 1955.
5. Lee Kuan Yew mendesak British berunding dengan Tunku Abdul Rahman untuk menggabungkan Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu sahaja.
6. Tunku Abdul Rahman mengumumkan cadangan gagasan Malaysia.

FAKTOR PEMBENTUKAN MALAYSIA

A. Politik

1. Perkembangan Barisan Sosialis yang berhaluan kiri di Singapura.
2. Penyertaan Singapura, Sabah dan Sarawak ke dalam Persekutuan Tanah Melayu untuk menghadapi ancaman komunis.
3. Mempercepatkan proses kemerdekaan Sabah, Sarawak dan Brunei.
4. Proses dekolonisasi British terhadap negara-negara yang belum membangun.

B. Ekonomi

1. Kerjasama ekonomi memanfaatkan keistimewaan dan sumber-sumber di negara-negara anggota.

C. Sosial

1. Mengimbangi jumlah dan kadar pertumbuhan kaum di kalangan negaranegara anggota.
2. Memasukkan Sabah, Sarawak dan Brunei dapat mengimbangi penduduk Melayu dan bukan Melayu.

REAKSI PENDUDUK

1. Pada keseluruhannya, rakyat PTM menyokong pembentukan Malaysia sebagai usaha untuk:
 - membantu dan memimpin negara-negara anggota
 - memajukan Malaysia yang akan ditubuhkan.
2. Parti yang menunjukkan reaksi berbeza ialah:
 - Barisan Sosialis – mahu dirundingkan dengan penduduk PTM dahulu
 - PAS - mahu dirundingkan dengan penduduk PTM dahulu
 - UMNO – setuju penggabungan dengan Sabah ,
3. Sarawak dan Brunei TANPA Singapura

SINGAPURA

1. Lee Kuan Yew di bawah Parti PAP menyokong kerana:
 - a. bimbang pengaruh parti berhaluan kiri yang mempunyai pengaruh kuat
 - b. mempertahankan kedudukannya
 - c. Ancaman komunis
2. Disember 1961, Majlis Undangan Negeri Singapura meluluskan usul ini.
3. Reaksi berbeza daripada:
 - a. Parti Barisan Sosialis
 - b. Parti Buruh – David Marshall
 - c. Parti Rakyat Bersatu – Ong Eng Guan
4. Mereka mengangap pembentukan Malaysia adalah penjajahan bentuk baru.
5. Mereka menuntut pandangan rakyat Singapura diperoleh terlebih dahulu.
6. Justeru, satu referandum dilakukan untuk mendapatkan pandangan rakyat Singapura.
7. Berdasarkan referandum, pengundi Singapura memilih anggabungan diadakan mengikut cadangan Singapura seperti yang dipersetujui kerajaan PTM pada November 1961.

SARAWAK

1. Reaksi parti-parti politik Sarawak:
2. - SUPP, Ong Kee Hui - tidak setuju
 - a. bimbang Sabah dan Sarawak dikuasa PTM
 - b. PANAS, Dato Bandar Abang Haji Mustapha - menyokong
 - c. SNAP, Stephen Kalong Ningkan – menyokong
 - d. BERJASA, Abd. Rahman Yaakub – menyokong
 - e. PESAKA, Tg. Jugah anak Barieng – menyokong
 - f. SCA - menyokong

SABAH

1. Reaksi parti-parti politik Sabah.

<ol style="list-style-type: none"> a. UNKO b. USNO c. Parti Pasok Momugun d. Parti Bersatu e. Parti Demokratik 	}	membentuk Parti Perikatan
---	---	---------------------------
2. Parti Perikatan mengemukakan 20 syarat (Perkara 20)
 - a. yang kemudiannya diterima di Sarawak.
 - b. Tuntutan tersebut bagi melindungi hak dan kepentingan penduduk Sarawak dan Sabah.
3. Terdapat sedikit perbezaan pembahagian kuasa antara Sabah, Sarawak dengan negeri-negeri PTM . Hak ini dipanggil hak wilayah asing.
4. Perkara yang disentuh dalam hak wilayah asing ialah:
 - a. Ketua negeri
 - b. Bahasa Kebangsaan
 - c. Agama Islam
 - d. kedudukan istimewa penduduk asal negeri dan hal ehwal imigresen
 - e. kerakyatan
 - f. Peruntukan kewangan
 - g. pelajaran
5. Menjelang akhir 1961, ramai pemimpin Sabah dan Sarawak menyokong pembentukan Malaysia kerana:
 - a. usaha kerajaan British dan PTM menjelaskan gagasan dan mempertimbangkan pandangan penduduk Sabah, Sarawak
 - b. Semangat perpaduan dan toleransi yang diperlihatkan para pemimpin Tanah Melayu seperti Tunku A.Rahman, Tun A. Razak, Tun V.T.Sambanthan dan Tun Tan Siew Sin.
 - c. kerjasama pemimpin Sarawak dan Saba seperti Dato Mustapha Datu harun, Temenggung Jugah, Donald Stephen, Ong Kee Hui, dan Stephen Kalong Ningkan.

REAKSI PARTI POLITIK

PARTI POLITIK	ISU
SUPP	Bimbang Sarawak dan Sabah dikuasai PTM
PESAKA SNAP UNKO	Orang bukan Melayu dan kaum peribumi bimbang mereka hilang identiti dan dikuasa orang Melayu Bimbang ekonomi dikuasai PTM
Semua Parti Politik di Sarawak, Sabah kecuali BERJASA	Inginkan kemerdekaan terlebih dahulu
PANAS BERJASA USNO	Membangkitkan soal kemajuan ekonomi dan sosial

BRUNEI

1. Sultan Brunei, Sultan Omar Ali Saifuddin menyokong.

2. Baginda menubuhkan suruhanjaya bagi meninjau pandangan rakyat.
3. Parti Rakyat Brunei pimpinan A.M Azahari menentang kerana mempunyai matlamat membentuk Kerajaan Kalimantan Utara yang menggabungkan Sabah, Sarawak dan Brunei.
4. Mereka menganggap pembentukan Malaysia sebagai neoklonialisme.
5. A.M. Azahari melancarkan pemberontakan di bawah pasukan Tentera Nasional Kalimantan Utara.
6. Mereka memberontak apabila Majlis Undangan Negeri Brunei dan Sultan Brunei menangguhkan keputusan tentang penubuhan Malaysia.
7. A.M. Azahari mendapat sokongan dan bantuan Filipina dan Indonesia.
8. Pemberontakan 7 Disember 1962 dapat dipatahkan oleh tentera British tetapi A.M. Azahari yang berada di Manila tidak dapat ditangkap kerana berada di Manila dan kemudiannya mendapat perlindungan politik di Indonesia.

INDONESIA

1. Indonesia pada peringkat awal tidak menunjukkan apa-apa reaksi terhadap pembentukan Malaysia.
2. Tentera hanya muncul pada akhir 1962 .
3. Indonesia berpendapat pembentukan Malaysia satu bentuk neokolonialisme yang akan mengancam Indonesia.
4. PKI telah mempengaruhi Presiden Soekarno untuk mengisytiharkan Dasar Konfrontasi.
5. Dasar Konfrontasi dari segi ekonomi dan kemasyarakatan dengan konsep Ganyang Malaysia diumumkan pada 20 Januari 1963.
6. Antara tindakan Indonesia:
 - a. serangan terhadap kapal-kapal nelayan Tanah Melayu
 - b. pencerobohan udara
 - c. menghantar pengintip untuk memusnahkan gagasan
 - d. melancarkan serangan tentera di Johor, Sarawak dan Sabah
 - e. Memburukkan nama Malaysia di negara Afro-Asia dan negara Dunia Ketiga
7. Malaysia hanya mula mengambil tindakan apabila Indonesia melancarkan serangan tentera
8. Antara tindakan Malaysia
 - a. bertindak balas dengan bantuan tentera komanwel dari Australia, Britain New Zealand dan Kanada. (Malaysia mempunyai perjanjian tahanan dengan Britain)
 - b. Tunku menghantar bantahan rasmi kepada setiausaha Agung PBB tentang pencerobohan tentera Indonesia.
 - c. Menghantar perwakilan – Tun Abd. Razak ke beberapa buah negara Afrika bagi menjelaskan masalah hubungan diplomatik antara Indonesia dan Malaysia.
9. Hubungan tegang Malaysia – Indonesia berpanjangan sehingga September 1965 apabila berlaku pemberontakan bersenjata di Indonesia.
10. Jeneral Soeharto berjaya menggulingkan Presiden Soekarno.
11. Presiden Soeharto kemudiannya menghantar Menteri Luar Indonesia, Adam Malik bagi memulihara hubungan diplomatik Malaysia-Indonesia.
12. Konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia berakhir pada Ogos 1966.

FILIPPINA

1. Kerajaan Filipina di bawah Presiden Macapagal mendakwa Sabah sebahagian daripada hak milik kerajaan Sulu.
2. Beliau mengisytiharkan tuntutan rasmi menuntut Sabah pada Jun 1962.
3. Tuntutan ini berdasarkan perjanjian 1878 antara Sultan Jamalul Alam dengan Baron Von Overback.
4. Baron kemudiannya menjual konsesi kepada Alfred Dent yang memperoleh Piagam Diraja dan akhirnya menubuhkan SBUB.
5. Walau bagaimanapun, pajakan ini telah diisytiharkan tamat oleh waris Sultan Sulu yang terakhir iaitu Sultan Esmail kiram pada 22 Januari 1958.
6. Menjelang Jun 1966, Filipina telah mengiktiraf penubuhan Malaysia.
7. Pengiktirafan ini diberikan menerusi usaha memperbaiki hubungan antara kedua-dua negara melalui MAPHILINDO.

LANGKAH PEMBENTUKAN MALAYSIA

1. Lawatan Tunku Abdul Rahman mengadakan lawatan ke Sabah, Sarawak dan Brunei - menerangkan konsep, tujuan dan matlamat penubuhan Malaysia.
2. Rundingan antara pegawai persekutuan Tanah Melayu dengan British dan Sabah, Sarawak dan Singapura.
3. Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Kaum (JPPK).
 - a. (JPPK), ditubuhkan di Singapura pada bulan Julai 1961
 - b. Pengerusi - Donad Stephens.
 - c. Peranan;
 - i. menerangkan kepada orang ramai tentang gagasan Malaysia.
 - ii. mengumpulkan pandangan penduduk.
 - iii. menggalakkan kegiatan ke arah kewujudan Malaysia.
4. Suruhanjaya Cobbold ditubuh
5. Dianggotai oleh tiga orang pegawai British, iaitu Lord Cobbold (pengerusi), Sir Anthony Abell dan Sir David Waterston.
6. Dato' Wong Pow Nee dan Tan Sri Ghazali Shafie .
7. Ditubuhkan untuk meninjau pendapat rakyat Sabah dan Sarawak tentang gagasan Malaysia serta membuat penilaian dan mengemukakan cadangan kepada British.
8. Hasil laporan Suruhanjaya Cobbold;
 - a. satu pertiga menyokong gagasan Malaysia tanpa syarat.
 - b. satu pertiga menyokong dengan syarat, iaitu kepentingan mereka harus dilindungi.
 - c. satu pertiga lagi menginginkan kemerdekaan sebelum menyertai Malaysia.
9. Suruhanjaya Cobbold mengemukakan beberapa cadangan:
 - a. Perlembagaan Malaysia yang baru harus
 - b. berasaskan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.
 - c. Sarawak dan Sabah diberikan kuasa menentukan dasar imigresennya.
 - d. Jaminan terhadap hak dan kedudukan bumiputera Sarawak dan Sabah.
 - e. Pemberian nama Malaysia kepada negara yang baru dibentuk.
 - f. Penentuan tarikh penubuhan Malaysia.
 - g. Bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan.
10. Ogos 1962 - Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK) ditubuhkan.
11. Dianggotai oleh wakil-wakil dan Persekutuan Tanah Melayu, Britain, Sarawak dan Sabah.
12. Dipengerusikan oleh
 - a. Lord Landsdowne (Menteri Negara bagi Tanah Jajahan) dan dibantu oleh
 - b. Timbalaan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tun Abdul Razak.
13. Kedua-duanya mengunjungi Sarawak dan Sabah bagi menerangkan penubuhan Malaysia.
14. JAK bermesyuarat sebanyak 24 kali bagi mewajarkan kemasukan Sarawak dan Sabah ke dalam gagasan Malaysia.
15. Mereka turut membincangkan hak dan kepentingan penduduk Sarawak dan Sabah.

PERJANJIAN MALAYSIA

1. Ditandatangani di Malborough House pada 9 Julai 1963.
2. Yang Dipertuan Agong memperkenalkan Akta Malaysia pada 26 Ogos 1963.
3. Akta Malaysia memperuntukan
 - a. Tanggungjawab persekutuan
 - b. Bahasa Kebangsaan
 - c. Kedudukan agama Islam
 - d. Hak Sabah dan Sarawak dalam hal-ehwal imigresen, perkhidmatan awam dan bilangan kerusi dalam perwakilan Parlimen.
 - e. Keistimewaan rakyat pribumi.